

SOALAN NO: 504

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: -

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah sistem tripartite berjalan seperti biasa dan tidak terjejas dengan adanya TPPA.

PR-1341-T71906

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tidak sama sekali akan menjejaskan sistem tripartite yang dilaksanakan pada masa ini. Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) juga telah meratifikasi Konvesyen No. 144 iaitu *Tripartite Consultation (International Labour Standards) Convention, 1976*.

Konsultasi dengan pihak majikan dan kesatuan sekerja serta pihak yang berkepentingan berhubung pelbagai dasar dan inisiatif di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) tetap berjalan seperti biasa. KSM akan terus mengekalkan hubungan tripartisme ini seperti mana yang diamalkan pada masa ini.